

**PERBANDINGAN KEPUTUSAN UJIAN
PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH DAN SIKAP
PENGAJARAN GURU ANTARA SEKOLAH
KEBANGSAAN DENGAN SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN CINA: KAJIAN KES DI TAWAU,
SABAH**

ARIPIN BIN YUDDIN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2008**

**PERBANDINGAN KEPUTUSAN UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
DAN SIKAP PENGAJARAN GURU ANTARA SEKOLAH KEBANGSAAN
DENGAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA: KAJIAN KES
DI TAWAU, SABAH**

oleh

ARIPIN BIN YUDDIN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah (*Ph.D.*)**

November 2008

PENGHARGAAN

Sesungguhnya hanya dengan izin, hidayah dan kuasaMu ya Allah SWT tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Halim Ahmad (Penyelia Utama) dan Prof. Madya Dr. Haji Ishak Ramly (Penyelia Bersama). Dedikasi dan penat lelah tuan berdua dalam memberi tunjuk ajar, dorongan dan bimbingan akan menjadi ingatan sepanjang hayat.

Hutang budi yang tidak terbayar dan rasa amat terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia selaku majikan dan penaja. Seterusnya ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pejabat Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Gabungan Tawau dan Lahad Datu serta semua sekolah rendah yang terlibat dalam kajian.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dekan dan pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang terlibat dalam memberi tunjuk ajar selama kajian dijalankan. Ruangan begitu terbatas untuk membariskan nama-nama tuan/puan satu persatu. Sumbangan individu dalam kelangsungan kutipan data juga tidak dilupakan: Guru-guru, murid-murid, pakar-pakar (kesahan kandungan instrumen) dan pembina instrumen asal yang digunakan dalam kajian.

Akhir sekali, untuk ibunda tercinta, Pn. Asiah Indobeche, isteri Natasha Jaffril, anakanda Afiq, Amira dan Akif juga adik kandung tunggal Erna Yuddin sekeluarga serta rakan-rakan karib yang banyak berkorban dan memberi sokongan moral, terima kasih kerana menjadikan aku insan yang berilmu. Semoga dengan ilmu, dapat membentuk watakku yang unggul, jati diriku yang tulen dan nilai manusiaku yang tinggi – Amin.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	13
1.3 Pernyataan Masalah	29
1.4 Tujuan Kajian	30
1.5 Persoalan Kajian	31
1.6 Hipotesis Kajian	34
1.7 Kepentingan Kajian	41
1.8 Limitasi dan Delimitasi Kajian	45
1.9 Definisi Operasional	47
BAB 2 TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN	
2.1 Pendahuluan	57
2.2 Kajian Perbandingan	58
2.3 Teori Pencapaian Akademik	62
2.3.1 Pencapaian Akademik Secara Umum	63
2.3.2 Pencapaian Akademik Murid Berhubung dengan Sikap	80

2.4	Teori Sikap	95
	2.4.1 Sikap Pengajaran	100
	2.4.2 Sorotan Kajian Sikap	103
	2.4.2 Pembentukan Item-item Sikap	108
2.5	Pemilihan Faktor-faktor Lazim di Sekolah yang Mempengaruhi Sikap	110
2.6	Kerangka Teori Kajian	115
2.7	Sintesis	122
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	123
3.2	Reka Bentuk dan Variabel-variabel Kajian	123
3.3	Pensampelan dan Populasi Kajian	129
3.4	Instrumen Kajian	134
	3.4.1 Soal Selidik Sikap Guru yang diskor oleh Murid (SSM)	137
	3.4.2 Soal Selidik Sikap Guru yang diskor oleh Guru (SSG)	138
3.5	Kajian Rintis	139
3.6	Kesahan (<i>Validity</i>) dan Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>) Instrumen Kajian	141
	3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan SSM	144
	3.6.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan 12 Item SSM	145
	3.6.1.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan 21 Item SSM	148
	3.6.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan SSG	152
	3.6.2.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan 21 Item SSG	152
	3.6.2.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan 40 Item SSG	156
3.7	Prosedur Mengutip Maklumat	159
3.8	Prosedur dan Kaedah Menganalisis Data	163

BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	169
4.2	Analisis Deskriptif	170
4.3	Perbandingan Keputusan UPSR Murid antara SK dengan SJKC	173
4.4	Perbandingan Sikap Pengajaran Guru-guru UPSR antara SK dengan SJKC Menurut Pandangan (Skor) Murid-murid	178
4.5	Hubungan (Korelasi) antara Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid dengan Pencapaian UPSR Murid	182
4.6	Pengaruh Enam Faktor Lazim Pilihan di Sekolah ke atas Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru	188
4.7	ANOVA dan MANOVA ke atas Data Kajian	192
4.7.1	ANOVA untuk Melihat Perbezaan Sikap Pengajaran Guru	195
4.7.2	MANOVA Keputusan UPSR Murid Mengikut Jenis Sekolah, Lokasi Sekolah dan Jantina Murid	197
4.7.3	MANOVA Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid Mengikut Jenis Sekolah, Lokasi Sekolah, Mata Pelajaran dan Prestasi UPSR Murid	201
4.7.4	MANOVA Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Pelbagai Faktor	212
4.8	Analisis Profil (<i>Discriminant Analysis</i>)	222
4.9	Rumusan	229
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	233
5.2	Perbincangan Dapatan Utama Kajian	233
5.2.1	Perbandingan Keputusan UPSR Murid antara SK dengan SJKC	234
5.2.2	Perbandingan Sikap Pengajaran Guru-guru UPSR antara SK dengan SJKC	235
5.2.3	Hubungan (Korelasi) antara Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid dengan Pencapaian UPSR Murid	238

5.2.4	Pengaruh Enam Faktor Lazim Pilihan di Sekolah ke atas Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru	240
5.3	Perbincangan Dapatan Tambahan Kajian	241
5.3.1	Keputusan UPSR Murid Mengikut Lokasi Sekolah	241
5.3.2	Keputusan UPSR Murid Mengikut Jantina Murid	243
5.3.3	Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid Mengikut Lokasi Sekolah	244
5.3.4	Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid Mengikut Mata Pelajaran	245
5.3.5	Sikap Pengajaran Guru Menurut Skor Murid Mengikut Prestasi UPSR Murid	245
5.3.6	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Lokasi Sekolah	247
5.3.7	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Saiz Sekolah Berdasarkan Bilangan Murid UPSR	248
5.3.8	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Umur Guru	248
5.3.9	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Guru	249
5.3.10	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Bangsa Guru	249
5.3.11	Sikap Pengajaran yang dituntut oleh Guru Mengikut Jantina Guru	250
5.4	Perbincangan Analisis Profil (<i>Discriminant Analysis</i>)	250
5.5	Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian	253
5.6	Implikasi Kajian	257
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	259
5.8	Kesimpulan	263
	BIBLIOGRAFI	265
	LAMPIRAN	282

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perubahan Penilaian Sekolah Rendah Sejak Merdeka	3
1.2	Pelaporan Keputusan UPSR	5
1.3	Pencapaian UPSR Tahun 2003 bagi Sepuluh Buah Sekolah Rendah di Kawasan Bandar Daerah Tawau, Sabah	18
1.4	Peratusan Lulus UPSR (1999 – 2003) bagi Sepuluh Buah Sekolah Rendah di Kawasan Bandar Daerah Tawau, Sabah	19
1.5	Anugerah-anugerah Pendidikan yang Pernah Dimenangi	20
1.6	Peratusan Pelajar Gred A UPSR Tahun 2004 bagi Negeri Pulau Pinang	22
1.7	Prestasi UPSR Kebangsaan SK dan SJKC bagi Tahun 1990 dan 2000	23
2.1	Tahap Perkembangan Kognitif Piaget	75
2.2	Item-item MTAI yang Berkaitan dengan Variabel (Faktor-faktor) Kajian Sikap Pengajaran Guru	111
3.1	Bilangan Sekolah, Guru dan Murid dalam Kajian	134
3.2	Pembahagian Soal Selidik Mengikut Soalan	138
3.3	KMO dan BTS 12 Item SSM	145
3.4	Muatan Faktor 12 Item SSM	146
3.5	Nilai Koefisien Alfa Cronbach 12 Item SSM	147
3.6	KMO dan BTS 21 Item SSM	148
3.7	Muatan Faktor 21 Item SSM	149
3.8	Nilai Koefisien Alfa Cronbach 21 Item SSM	151
3.9	KMO dan BTS 21 Item SSG	153
3.10	Muatan Faktor 21 Item SSG	153
3.11	Nilai Koefisien Alfa Cronbach 21 Item SSG	155
3.12	KMO dan BTS 17 Item SSG	157
3.13	Muatan Faktor 17 Item SSG	158
3.14	Nilai Koefisien Alfa Cronbach 17 Item SSG	159

3.15	Prosedur Mengutip Maklumat	160
4.1	Statistik Deskriptif Instrumen SSM	172
4.2	Statistik Deskriptif Instrumen SSG	172
4.3	Korelasi Pearson Konstruk-konstruk dalam SSM	172
4.4	Korelasi Pearson Konstruk-konstruk dalam SSG	173
4.5	Pencapaian Keputusan UPSR Mengikut Jenis Sekolah dan Hasil Ujian- <i>t</i>	174
4.6	Hasil Ujian Hipotesis (<i>Hypothesis Tests</i>)	177
4.7	Konstruk-Konstruk Sikap Mengikut Jenis Sekolah dan Hasil Ujian- <i>t</i>	180
4.8	Korelasi Pearson Konstruk Sikap Pengajaran Guru dengan Prestasi UPSR Murid	182
4.9	Nilai Koefisien Penentu Analisis Regresi Sikap Guru dengan Keputusan UPSR Murid	185
4.10	Nilai Beta Setiap Konstruk Sikap Pengajaran Guru	186
4.11	Nilai Koefisien Penentu Analisis Regresi Faktor-faktor Lazim di Sekolah dengan Sikap Pengajaran Guru	189
4.12	Nilai Beta Setiap Faktor Penentu Sikap Pengajaran Guru	190
4.13	Hasil Ujian Hipotesis	191
4.14	Hasil ANOVA Sikap Pengajaran 56 Guru	196
4.15	Nilai <i>Wilks' Lambda</i> Ujian MANOVA Keputusan UPSR Mengikut Jenis Sekolah, Lokasi Sekolah dan Jantina Murid	198
4.16	Jadual <i>Univariate</i> (ANOVA) Mengikut Faktor	199
4.17	Nilai <i>Wilks' Lambda</i> Ujian MANOVA Sikap Pengajaran Guru Mengikut Jenis Sekolah, Lokasi Sekolah, Mata Pelajaran dan Prestasi UPSR Murid	203
4.18	Jadual <i>Univariate</i> (ANOVA) Mengikut Faktor	205
4.19	Kumpulan Pelbagai Faktor	213
4.20	Korelasi Pearson Konstruk-konstruk Sikap Pengajaran Guru dan Pengalaman Mengajar Guru	218
4.21	Hasil Ujian Hipotesis	221
4.22	Koefisien Fungsi Diskriminan (<i>Discriminant Function Coefficient</i>)	226
4.23	Hasil Klasifikasi Analisis Profil	229

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi UPSR	14
2.1	Gambaran Sistem Sesebuah Sekolah	70
2.2	Jenis-jenis Pembelajaran Behaviourisme	72
2.3	Model Teori Pembelajaran <i>Operant Conditioning</i> B.F. Skinner	74
2.4	Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky	76
2.5	Model Teori Sikap Ajzen	96
2.6	Model Kerangka Teori Umum Dua Pendekatan Berbeza yang boleh dilakukan terhadap Kajian Sikap	105
2.7	Model Kerangka Teori Kajian Baker: Sikap terhadap Bahasa Wales	106
2.8	Kerangka Konsep Kajian	119
2.9	Penyesuaian Kerangka Konsep Kajian terhadap Pendekatan Kajian Perbandingan	121
3.1	Model Asas Kajian	127
3.2	Model Keseluruhan Kajian	128
4.1	Perbandingan Min Skor Keputusan UPSR Setiap Mata Pelajaran, Kualiti dan Keseluruhan antara SK dengan SJKC	175
4.2	Perbandingan Min Skor Sikap Pengajaran Guru Menurut Pandangan Murid antara SK dengan SJKC	181
4.3	Graf Min Skor Keputusan UPSR Mengikut Lokasi Sekolah	200
4.4	Graf Min Skor Keputusan UPSR Mengikut Jantina	200
4.5	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Lokasi Sekolah	206
4.6	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Mata Pelajaran	209
4.7	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Prestasi UPSR Murid	210
4.8	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Jenis Sekolah	215
4.9	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Lokasi Sekolah	216
4.10	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Bangsa	219
4.11	Graf Min Skor Sikap Pengajaran Guru Mengikut Jantina	220

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
DMSK	Dasar Memperkasa Sekolah Kebangsaan
DV	<i>Dependent Variable</i>
hal.	Halaman
HTML	<i>Hypertext Mark-up Language</i>
IV	<i>Independent Variable</i>
JNS	Jemaah Nazir Sekolah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
MSSEE	<i>Malayan Secondary School Entrance Examination</i>
MTAI	<i>Minnesota Teacher Attitude Inventory</i>
PDL	Penilaian Darjah Lima
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Guru
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SES	Status Sosioekonomi
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Sciences</i>
SSG	Soal Selidik Guru
SSM	Soal Selidik Murid
UDT	Ujian Darjah Tiga
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
WWW	<i>World Wide Web</i>

SENARAI LAMPIRAN

	Muka Surat
Lampiran A: Surat-surat Kebenaran	282
Lampiran B: Contoh-contoh Soal Selidik	287
Lampiran C: Item-Item Asal Sikap Pengajaran Guru, Soal Selidik Wan Mohd. Rani Abdullah (1989)	302
Lampiran D: Contoh Panduan Mentadbir Soal Selidik Murid (SSM)	304
Lampiran E: Borang Penilaian Soal Selidik	306
Lampiran F: Borang Penilaian Kesahan Kandungan 40 Item SSG	309
Lampiran G: Langkah-langkah Analisis ke atas 40 Item SSG	314
Lampiran H: Analisis Keputusan UPSR Sebenar dan Mengikut Kajian Tahun 2006 SK dan SJKC dalam Kajian	321
Lampiran I : Senarai Lengkap Keputusan Ujian Hipotesis Nol (H_0) Kajian	324
Lampiran J: Beberapa Contoh Hasil Analisis SPSS 11.5	327
Lampiran K: Senarai Kajian Sikap	335
Lampiran L: Contoh Item-item Sikap	346

**PERBANDINGAN KEPUTUSAN UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH DAN
SIKAP PENGAJARAN GURU ANTARA SEKOLAH KEBANGSAAN DENGAN
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA: KAJIAN KES DI TAWAU, SABAH**

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kombinasi antara kajian perbandingan, tinjauan, korelasi dan regresi. Keputusan UPSR murid-murid dan sikap pengajaran guru UPSR dibandingkan antara SK dengan SJKC. Tinjauan sikap pengajaran guru berdasarkan pandangan murid dan yang dituntut sendiri oleh guru dilakukan dengan menggunakan dua set soal selidik iaitu, soal selidik murid (SSM) dan soal selidik guru (SSG). Sikap pengajaran guru menurut pandangan murid kemudian dikorelasikan dengan keputusan UPSR murid. Regresi pula digunakan untuk mengukur pengaruh sikap guru terhadap pencapaian UPSR murid dan pengaruh enam faktor lazim pilihan yang berlaku di sekolah terhadap sikap pengajaran guru. Melalui perbandingan yang dilakukan didapati murid-murid SK lebih perkasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kefahaman dan Penulisan manakala murid-murid SJKC lebih perkasa dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan signifikan dalam keputusan keseluruhan (kuantiti) dan kualiti UPSR murid-murid SK berbanding dengan murid-murid SJKC. Terdapat konstruk dalam sikap pengajaran guru UPSR menurut pandangan murid yang mempunyai korelasi signifikan dengan pencapaian UPSR murid tetapi dengan nilai korelasi Pearson yang rata-rata rendah ($r = .04$ hingga $.22$, $p < .05$). Melalui regresi didapati sikap pengajaran guru hanya merupakan penentu yang lemah ($Adj. R^2 = .08$) terhadap prestasi UPSR murid. Kualiti murid UPSR, prestasi UPSR sekolah dan beban tugas lain secara signifikan mempengaruhi sikap pengajaran guru tetapi tidak bagi tiga faktor lain yang dikaji iaitu, pengaruh rakan setugas, sokongan pentadbir sekolah dan kerjasama ibu bapa. Walaupun signifikan, pengaruh faktor-faktor yang dinyatakan di atas adalah lemah dengan nilai β tertinggi dihasilkan melalui analisis regresi hanya $.23$.

**THE COMPARISONS OF PRIMARY SCHOOL ACHIEVEMENT TEST RESULTS
AND TEACHERS' TEACHING ATTITUDE BETWEEN NATIONAL PRIMARY
SCHOOLS AND CHINESE NATIONAL TYPE PRIMARY SCHOOLS: CASE STUDY
IN TAWAU, SABAH**

ABSTRACT

This research is a combination of a comparative study, survey, correlation and regression. Primary School Achievement Test (UPSR) results and teachers' teaching attitude were compared between National Primary Schools (SK) and Chinese National Type Primary Schools (SJKC). The teachers' teaching attitude based on students' perception and what was claimed by the teachers themselves were measured with two different questionnaires i.e., student questionnaire (SSM) and teacher questionnaire (SSG). The teachers' teaching attitude based on students' perception was then correlated to the students' UPSR results. Regression was used to measure the influence of teachers' teaching attitude towards students' UPSR achievement and the influence of selected six common factors in school towards the teaching attitude. Through the comparison, SK students were dominant in Malay Language subject both Comprehensive and Composition whereas SJKC students were dominant in English, Mathematic and Science subjects. However, there was no significant difference in UPSR overall (quantity) and quality results. Some constructs of teachers' teaching attitude based on students' perception were significantly correlated to students' UPSR achievement with averagely low Pearson correlation values ($r = .04$ to $.22$, $p < .05$). Through regression, teachers' teaching attitude was found as a weak predictor ($Adj. R^2 = .08$) towards students' UPSR achievement. The qualities of UPSR students, schools' UPSR achievements and non-teaching work loads were significantly contributing towards the teachers' teaching attitude but not the other three factors i.e., other teachers' influences, school administrators' support and parents' cooperation. However, those significant factors were weak predictors towards the teaching attitude with the highest regression β value was only $.23$.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan agenda utama dalam menentukan hala tuju kemajuan sosial, politik, ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Kemakmuran, keamanan, kestabilan politik, kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta toleransi antara kaum dan agama hanya boleh dipupuk dan dikongsi jika rakyat mempunyai tingkat pendidikan yang tinggi (Suffean Hussin, 2004). Berdasarkan hakikat ini, maka pendidikan di Malaysia mempunyai kepentingan yang amat luas. Kepentingan ini secara tidak langsung menjana cabaran profesion keguruan dalam menyediakan sumber tenaga manusia yang intelektual, dinamik, seimbang dan harmonis bagi mencapai matlamat dan objektif Wawasan Pembangunan Negara (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005).

Tanggungjawab menyediakan pendidikan yang bersistematik dengan memberi peluang yang adil kepada semua kaum untuk memperoleh pendidikan yang sempurna adalah menjadi tugas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terutama melalui organisasi sekolah, politeknik, maktab dan universiti (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2001). Hakikat ini ditegaskan oleh Lunenberg dan Ornstein (1996) yang menyatakan pendidikan yang adil untuk semua orang sahaja tidak mencukupi sebaliknya pendidikan harus bergerak ke tahap kecemerlangan (*equality to excellence*). Sedapatnya, Lunenberg dan Ornstein (1996) menegaskan lagi pendidikan harus berorientasikan objektif yang boleh diukur (*measurable objectives*) dan hasil ukuran ini boleh digunakan sebagai alat untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan yang adil. Cadangan yang sama

mengenai usaha meningkatkan pendidikan yang adil ke tahap yang lebih cemerlang juga dinyatakan dalam laporan Bank Dunia (*World Bank Report*, 2006).

Menyentuh tentang matlamat dan objektif yang hendak dicapai oleh KPM bagi meningkatkan mutu pendidikan negara ke peringkat maju maka Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah diperkenalkan pada tahun 1988. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah menjadi kayu ukur bagi menentukan tingkat pencapaian salah satu daripada objektif pendidikan iaitu untuk menyediakan murid-murid sekolah rendah bagi melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dengan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Ujian Pencapaian Sekolah Rendah juga merupakan peperiksaan awam pertama yang ditempuh oleh kanak-kanak ketika berada pada penghujung Tahun Enam di semua sekolah rendah seluruh negara. Kewajipan sekolah untuk menyediakan murid dan seterusnya melaksanakan UPSR termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 Bahagian IV Seksyen 19 yang menegaskan setiap sekolah hendaklah menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini (Akta Pendidikan, 1996; Mohd. Ismail Othman, 2004).

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah merupakan penilaian sumatif yang berdasarkan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Tujuan penilaian ini ialah untuk melihat sejauh mana taraf pencapaian murid Tahun Enam dalam kemahiran asas menulis, membaca dan mengira sebelum kanak-kanak tersebut melangkah ke alam pendidikan menengah (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh, 2005). Penggubalan UPSR adalah bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berorientasikan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis, berketerampilan, berakhlak mulia dan berilmu maka sistem pendidikan perlu dilengkapi dengan satu penetapan standard yang merupakan penunjuk aras (*benchmark*) bagi mengukur penguasaan murid terhadap kurikulum yang dirancang. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah boleh dijadikan kayu ukur untuk menilai keberkesanan pelaksanaan KBSR yang diikuti oleh kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga dua belas tahun (Abdullah Sani Yahya, 2003; Lembaga Peperiksaan Malaysia KPM, 1994). Jelas di sini UPSR menjadi landasan awal dan batu asas kemajuan pendidikan yang dilalui oleh kanak-kanak dalam memenuhi kehendak KBSR.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun terutamanya dalam bidang pendidikan. Sebagai sebuah negara yang dijadikan model dalam kalangan negara membangun di dunia dan dalam kalangan negara-negara Islam, Malaysia telah mengubah sistem penilaian murid sekolah rendah supaya selari dengan perkembangan KBSR. Bagi memenuhi tuntutan atau keperluan penilaian yang baku dan dapat diterima oleh semua kaum di Malaysia maka pelaksanaan ujian pencapaian murid sekolah rendah telah diwartakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Perubahan Penilaian Sekolah Rendah Sejak Merdeka

Tahun	Perkembangan Penilaian
1957	MSSEE (<i>Malayan Secondary School Entrance Examination</i>) dimulakan
1963	MSSEE dimansuhkan
1967	PDL (Penilaian Darjah Lima) dimulakan
1973	UDT (Ujian Darjah Tiga) dimulakan
1982	UDT dimansuhkan
1988	PDL dimansuhkan
1988	UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah) dimulakan

(Sumber: Portal Rasmi KPM, 2004)

Daripada Jadual 1.1 di halaman sebelumnya, *Malayan Secondary School Entrance Examination* (MSSEE) diperkenalkan apabila Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu) mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Apabila Sabah dan Sarawak menyertai Semenanjung Tanah Melayu dan membentuk Malaysia pada 16 September 1963, proses penyeragaman penilaian untuk memperkenalkan satu ujian baru bagi semua murid sekolah rendah di seluruh negara dimulakan. Maka pada tahun 1967 Penilaian Darjah Lima (PDL) diperkenalkan. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah hanya mula diperkenalkan pada tahun 1988 apabila kumpulan pertama murid-murid KBSR mencapai Tahun Enam.

Terdapat lima mata pelajaran wajib yang diuji dalam UPSR iaitu, Bahasa Melayu Kefahaman (BMK), Bahasa Melayu Penulisan (BMP), Bahasa Inggeris (BI), Matematik (Mat) dan Sains (Sc). Manakala bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SJK), mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga ditawarkan. Calon-calon UPSR diberi gred A, B, C, D atau E bagi skor setiap mata pelajaran yang diperolehi. Murid yang cemerlang adalah murid yang memperoleh keputusan 5A atau 7A sekiranya mata pelajaran Bahasa Cina/Bahasa Tamil diambil kira. Seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga mempunyai dua kertas ujian iaitu, kefahaman dan penulisan. Calon yang memperoleh gred D dan E bagi mata pelajaran yang diduduki menunjukkan kegagalan dalam mata pelajaran berkenaan. Ringkasan pelaporan keputusan UPSR ditunjukkan dalam Jadual 1.2 di halaman berikutnya. Murid yang dianggap lulus untuk tujuan analisis peratusan lulus sekolah ialah murid yang lulus semua mata pelajaran yang diduduki.

Jadual 1.2: Pelaporan Keputusan UPSR

A	Sangat Baik	Pencapaian di atas tahap penguasaan minimum (lulus)
B	Baik	
C	Sederhana	
D	Lemah	Pencapaian di bawah tahap penguasaan minimum (gagal)
E	Sangat Lemah	

(Sumber: Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh, 2005: 213; Lembaga Peperiksaan Malaysia KPM, 1994)

Jadual 1.2 di atas menunjukkan keputusan A, B dan C dikira lulus dan gred A memberikan indikator pencapaian yang paling tinggi diikuti dengan B dan C. Manakala gred D dan E dikira gagal. Melalui perkiraan ini maka calon yang paling cemerlang memperoleh keputusan 5A bagi murid yang didaftarkan di Sekolah Kebangsaan (SK) atau 7A bagi murid yang didaftarkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Keputusan lulus paling minimum ialah 5C. Calon dianggap gagal sekiranya memperoleh gred D atau E dalam mana-mana satu mata pelajaran yang diduduki.

Lulus atau gagal dalam UPSR tidak mempengaruhi peluang murid untuk dinaikkan ke Tingkatan Satu di sekolah menengah kerana UPSR hanya bersifat penilaian (*assessment*) dan bukan peperiksaan penamatan (*terminal examination*). Walau bagaimanapun sebelum UPSR dan PDL diperkenalkan murid dikehendaki menduduki MSSEE yang bersifat *terminal* dan diwajibkan lulus sebelum layak ke Tingkatan Satu. Dengan pemansuhan MSSEE pada tahun 1963 dan digantikan dengan PDL pada tahun 1967 maka bermula dari tahun 1963 hingga 1966 tidak terdapat peperiksaan awam bagi murid sekolah rendah dan kenaikan ke Tingkatan Satu adalah secara automatik. *Malayan Secondary School Entrance Examination* yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia tidak dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak murid-murid menduduki *Common Entrance Selection*

Examination (CESE) sebelum dinaikkan ke Tingkatan Satu tetapi CESE dimansuhkan pada tahun 1974. Di Sabah, peperiksaan yang serupa dikenali sebagai Penilaian Darjah Enam Negeri Sabah (PDES) dan dimansuhkan pada tahun 1978 (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh, 2005; Portal Rasmi KPM, 2004).

Malayan Secondary School Entrance Examination (MSSEE), CESE dan PDES mengenakan syarat yang sama iaitu, murid yang gagal dalam ujian tersebut tidak dibenarkan naik ke Tingkatan Satu. Walau bagaimanapun dasar wajib lulus ini dimansuhkan pada tahun 1973 bagi Sabah dan Sarawak hasil daripada Laporan Jawatankuasa Kajian Keciciran Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 1973 yang juga dikenali sebagai Laporan Murad (Portal Rasmi KPM, 2004). Di Semenanjung Malaysia, dasar wajib lulus telah dimansuhkan lebih awal iaitu, apabila MSSEE dimansuhkan pada tahun 1963. Hasil daripada pemansuhan dan penyeragaman, satu kaedah penilaian yang sama untuk semua murid di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia telah direka bentuk. Bermula dari tahun 1978 semua murid sekolah rendah hanya menduduki satu peperiksaan awam yang sama yang dikenali sebagai Penilaian Darjah Lima (PDL) dan berikutnya PDL dimansuhkan apabila UPSR diperkenalkan pada tahun 1988.

Pada tahun 1973, KPM memperkenalkan Ujian Darjah Tiga (UDT). Satu dasar baru diperkenalkan bersama UDT iaitu, murid Darjah Tiga yang dikesan cemerlang dalam UDT dilompatkan ke Darjah Lima tanpa melalui Darjah Empat. Kenaikan secara automatik ini walau bagaimanapun dimansuhkan pada tahun 1982 bersama pemansuhan UDT. Namun begitu, ide daripada UDT ini telah cuba diterapkan kembali di era UPSR. Pada tahun 1997 Penilaian Tahap Satu (PTS) yang hampir sama konsepnya dengan UDT diperkenalkan oleh KPM. Murid-murid yang dikesan cemerlang dalam PTS dibenarkan melangkau kelas ke Tahun Lima tanpa melalui Tahun Empat. Walau bagaimanapun setelah mendengar rungutan ibu bapa

dan orang ramai serta meneliti kesan-kesan negatif yang timbul akibat pelanggaran kelas ini, PTS dimansuhkan pada tahun 2001 (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh, 2005).

Sistem pendidikan di Malaysia terbentuk hasil daripada pengaruh sejarah politik, sosial, budaya, ekonomi dan pembentukan bangsa Malaysia itu sendiri (Suffean Hussin, 2004). Sejarah perkembangan pendidikan negara ini boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu, zaman koloni (sejak mula kemasukan Inggeris sehingga Perang Dunia Kedua), zaman pramerdeka (sejak pasca Perang Dunia Kedua hingga 1957) dan zaman selepas merdeka (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2001; Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 2001; Wong, 1977). Semasa zaman koloni banyak sekolah didirikan hasil daripada usaha orang-orang persendirian dan swasta. Oleh itu wujud sekolah-sekolah mubaligh (*missionary schools*), sekolah-sekolah vernakular dan sekolah-sekolah pondok. Sekolah-sekolah mubaligh banyak dipelopori oleh pendakwah-pendakwah Kristian yang datang ke Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Sekolah-sekolah mubaligh ini dikenali sebagai sekolah Inggeris oleh orang-orang tempatan (George, 2002; Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 2001). Sehingga ke hari ini kesan peninggalan pendakwah-pendakwah Kristian (*missionary*) masih dapat dikenal pasti pada nama-nama sekolah seperti SJK St. Patrick, SJK La Salle, SJK Holy Trinity, Convent Bukit Nenas, Convent St. Ursula dan banyak lagi sekolah yang dahulunya merupakan sekolah-sekolah mubaligh. Sekolah vernakular terdiri daripada sekolah vernakular Melayu, Cina dan India. Manakala di luar bandar terdapat sekolah-sekolah pondok yang diusahakan oleh ustaz-ustaz atau imam-imam yang berada di kampung-kampung.

Pendidikan di zaman pramerdeka pula banyak dipengaruhi oleh kesan Perang Dunia Kedua hasil daripada kesengsaraan hidup yang dilalui semasa

pendudukan Jepun. Penderitaan rakyat semasa Jepun memerintah telah membangkitkan semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan penduduk Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Sistem pendidikan di samping menghadapi masalah rekonstruksi selepas perang juga terpaksa berhadapan dengan suasana politik yang agak tegang dan polarisasi kaum. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah yang ditutup semasa pendudukan Jepun telah dibuka semula secara beransur-ansur. Sekolah-sekolah masih lagi terdiri daripada sekolah Inggeris, sekolah vernakular Melayu, Cina dan India . Pada era ini sekolah-sekolah vernakular semakin berfungsi sebagai menjaga kepentingan kaum dan pengekal budaya, tradisi dan adat resam masing-masing. Di sekolah-sekolah Cina misalnya, kurikulum menggunakan buku-buku yang dibawa dari negara China (Wong & Ee, 1975).

Perkembangan yang paling menggalakkan ialah semakin mendekati kemerdekaan semakin tinggi kesedaran untuk melihat perpaduan kaum melalui pendidikan dan pihak Inggeris semakin serius memikirkan situasi pendidikan bagi rakyat negara ini. Hal ini terbukti dengan usaha membentuk jawatankuasa bagi mengkaji keperluan pendidikan seperti Jawatankuasa Barnes pada tahun 1950 untuk mengkaji sistem sekolah vernakular Melayu manakala Laporan Fenn-Wu pada tahun 1951 digunakan untuk melihat keperluan sistem sekolah vernakular Cina (Suffean Hussin, 2004). Hasil daripada kajian dan laporan tersebut membawa kepada penggubalan '*Education Ordinance 1952*' (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2001).

Selepas merdeka pada tahun 1957 seterusnya pembentukan Malaysia dengan kemasukan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 pelbagai usaha telah dijalankan bagi membentuk sistem pendidikan kebangsaan. Usaha-usaha ini bermula daripada Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) sehinggalah termaktubnya Dasar Pendidikan Negara (1995) (Suffean Hussin, 2004). Perpaduan

kaum menjadi agenda utama sistem pendidikan kebangsaan (Ishak Ramly, 2003). Kanak-kanak bebas mengikuti program pendidikan tanpa ada batasan agama, warna kulit, bahasa dan budaya. Sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai sekolah-sekolah vernakular dikawal selia oleh satu badan yang sama iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (Ishak Ramly, 2003). Kesan daripada Dasar Pendidikan Malaysia bebas ini membawa kepada pengekelan tiga kategori sekolah rendah iaitu, SK, SJKC dan SJKT.

Setelah meneliti kedudukan sejarah perkembangan penilaian sekolah rendah dan sejarah penubuhan sekolah mengikut urutan masa, perbincangan dilanjutkan dengan memberi tumpuan kepada aspek latihan guru. Guru-guru UPSR yang mengajar di sekolah selalunya merupakan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang luas. Walau bagaimanapun senioriti bukan merupakan dasar atau syarat untuk membolehkan guru-guru mengajar di kelas-kelas UPSR. Bagi sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar dan sering kali menghadapi masalah kekurangan guru, didapati guru-guru yang baru tamat latihan juga mengajar di kelas-kelas UPSR berbanding sekolah-sekolah rendah di kawasan bandar yang selalunya tidak menghadapi masalah untuk menempatkan guru-guru berpengalaman mengajar di kelas-kelas UPSR. Justeru, keadaan inilah yang kadang-kadang menjadi masalah kerana faktor lama mengajar boleh membuat seseorang guru cenderung berhadapan dengan masalah semangat mengajar (*teaching spirit*) atau motivasi dan hilang keinginan mengajar (*teacher's burn-out*) (Lunenberg & Ornstein, 1996; McMillan & Schumacer, 1993; Oliva, 1993).

Sebelum tahun 2001, guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dihasilkan melalui maktab-maktab perguruan di seluruh negara. Walau bagaimanapun menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Sepuluh Tahun (2001 – 2010) KPM, Dasar Pensiswazahan Guru telah diperkenalkan (Teks Ucapan Majlis Perutusan

Tahun Baru 2002 YB Menteri Pelajaran Malaysia KPM, 2003). Intisari teks ucapan YB Menteri Pelajaran Malaysia (2003) memberi gambaran bahawa guru-guru lepasan maktab yang mengajar di sekolah rendah, sekiranya tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda, tidak perlu lagi dipindahkan mengajar ke sekolah menengah sepertimana lazimnya. Guru-guru yang terlibat perlu ditugaskan kembali ke sekolah tempat mengajar asal sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti. Antara matlamat akhir Dasar Pensiswazahan Guru ialah supaya semua guru terdiri daripada guru-guru siswazah. Walau bagaimanapun menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Sepuluh Tahun (2001 – 2010), pihak KPM hanya mensasarkan 50 peratus guru yang mengajar di sekolah rendah merupakan guru siswazah menjelang tahun 2010 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2001).

Sejarah pendidikan guru di Malaysia bermula dengan tertubuhnya Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim, Perak pada tahun 1922. Kerajaan Inggeris ketika itu menubuhkan MPSI bagi menghasilkan guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu (Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 2001). Walau bagaimanapun dasar penjajahan Inggeris mengehadkan kurikulum MPSI sekadar untuk mengekalkan budaya kehidupan tradisional masyarakat Melayu kampung seperti membuat bakul, menyirat jaring, berkebun dan bertukang. Bagi pendidikan sekolah Inggeris, bakal-bakal guru diberikan latihan di maktab perguruan yang terdapat di Hong Kong, Maktab Kirkby (England) dan Brinsford (England).

Perubahan nyata dalam pendidikan guru bermula menjelang kemerdekaan hasil daripada Laporan Razak (1956). Razak mengesyorkan agar semua guru sekolah rendah diberikan latihan yang sama dan syarat untuk memasuki maktab perguruan perlulah melalui satu ujian yang standard (*standardized test*) bagi semua calon. *Lower Certificate of Education* (LCE) diperkenalkan pada tahun 1957 dan menjadi syarat minimum untuk memasuki maktab latihan guru selama tiga tahun.

Pada tahun 2005, terdapat 31 buah maktab perguruan di seluruh negara. Jumlah ini tidak mengambil kira Maktab Perguruan Sultan Idris, Perak yang telah dinaik taraf menjadi Universiti Perguruan Sultan Idris (Portal Rasmi KPM, 2004). Lulusan-lulusan maktab perguruan ditempatkan di sekolah rendah dan menengah rendah di seluruh negara. Walau bagaimanapun sejak tahun 2001 amalan menghantar guru-guru lepasan maktab ke sekolah menengah rendah tidak lagi diteruskan. Jikapun ada, guru-guru lepasan maktab yang dihantar ke sekolah menengah rendah hanyalah merupakan penempatan biasa di bawah bidang kuasa Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing bagi mengatasi masalah kekurangan guru terutamanya di sekolah-sekolah menengah rendah luar bandar. Malah guru-guru siswazah tamatan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) telah mula ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah.

Guru-guru lepasan maktab dipersiapkan bagi mendidik anak-anak bangsa di sekolah rendah melalui KBSR. Kurikulum Baru Sekolah Rendah bermula pada tahun 1982 dengan melibatkan 302 buah sekolah rendah bagi memulakan pelaksanaan kurikulum ini secara percubaan (rintis) (Portal Rasmi KPM, 2004). Langkah awal penyediaan satu kurikulum sekolah rendah yang berteraskan kepada perpaduan kaum telah dimulakan pada tahun 1979 dengan pembentukan satu Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jawatankuasa ini mendapati antara lain bahawa kurikulum sedia ada sekolah rendah terlalu padat dan membebankan (Perenggan 193). Kurikulum sedia ada juga hanya mengandungi sedikit integrasi mata-mata pelajaran dalamnya (Perenggan 194) (Ishak Ramly, 2003; Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 2001).

Bertitik tolak daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 maka KBSR dibentuk dan pada tahun 1988 semua sekolah rendah di seluruh negara tanpa mengira jenis dan grad menggunakan KBSR sepenuhnya (Shahril Marzuki & Habib

Mat Som, 2001). Untuk menilai penguasaan murid ke atas kurikulum baru ini maka pada tahun yang sama (1988), UPSR dimulakan bagi semua murid Tahun Enam sekolah rendah di seluruh negara. Pihak KPM menggiatkan usaha menyediakan pendidikan rendah yang dilengkapi dengan kurikulum dan sistem penilaian yang terancang. Oleh yang demikian semua guru yang bertindak sebagai golongan pengamal (*practitioners*) pendidikan harus memastikan hasrat murni KPM ini dapat dicapai. Semua kanak-kanak tanpa mengira warna kulit dan agama perlu diberikan didikan awal di sekolah rendah yang secukupnya.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan syarat minimum pendidikan yang cukup bagi kanak-kanak dengan melihat pencapaian akademik murid-murid sekolah rendah sebelum masuk ke sekolah menengah. Pencapaian akademik yang minimum adalah merujuk kepada penguasaan kanak-kanak terhadap tiga aspek kemahiran asas iaitu, membaca, menulis dan mengira (3M). Ujian Pencapaian Sekolah Rendah merupakan kayu ukur untuk menilai penguasaan murid-murid dalam kemahiran asas yang dinyatakan. Berbagai-bagai isu telah timbul terutamanya isu-isu yang melibatkan keputusan UPSR murid dan hasrat kerajaan untuk melihat sekolah-sekolah rendah kebangsaan perkasa dalam menghasilkan murid-murid yang cemerlang (Jemaah Nazir Sekolah (JNS) KPM, 2003). Perkara ini telah mencetuskan minat awal pengkaji untuk meninjau keputusan UPSR murid serta tahap keberkesanan sekolah-sekolah rendah dalam menghasilkan murid-murid UPSR yang cemerlang. Di samping itu pengkaji juga berhasrat untuk mengetengahkan sekurang-kurangnya satu faktor yang difikirkan mempengaruhi keputusan UPSR murid.

Sejarah penubuhan sekolah-sekolah rendah di Malaysia yang membawa kepada terdapatnya tiga jenis sekolah iaitu, SK, SJKC dan SJKT telah disentuh. Usaha untuk menggubal sistem penilaian murid-murid sekolah rendah yang seragam

dan standard juga telah diulas. Begitu juga dengan kurikulum sekolah rendah yang digunakan. Penubuhan maktab perguruan dan latihan yang disediakan seterusnya membawa kepada penempatan guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah juga telah dibincangkan. Kesemua perkara yang dibincangkan bertujuan untuk membentuk (*establish*) penyebut sepunya (*common denominator*) yang menjadi prasyarat kepada kajian perbandingan sebelum dirancang dan dilaksanakan.

Kajian ini hanya membandingkan dua jenis sekolah iaitu, SK dan SJKC. Oleh yang demikian, daripada penjelasan pada bahagian ini dapat disimpulkan tiga penyebut sepunya sebagai asas kajian perbandingan bagi kedua-dua jenis sekolah seperti yang disenaraikan berikut:


- i. Peperiksaan Awam terhadap murid-murid di kedua-dua jenis sekolah yang sama (UPSR),
- ii. Peperiksaan Awam yang sama di kedua-dua jenis sekolah adalah berdasarkan kepada kurikulum yang sama (KBSR), dan
- iii. sistem dan pusat latihan yang dihadiri oleh guru-guru yang mengajar di kedua-dua jenis sekolah adalah sama.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keputusan UPSR berdasarkan kategori jenis sekolah rendah sememangnya mendapat perhatian daripada KPM, pihak akhbar dan ibu bapa. Terdapat ruangan dalam laporan KPM (Lembaga Peperiksaan Malaysia KPM, 1990 & 1994) yang membandingkan prestasi UPSR berdasarkan kategori jenis sekolah. Pihak akhbar (Utusan Malaysia, 2005) juga memberi tumpuan kepada pencapaian prestasi UPSR berdasarkan kategori jenis sekolah. Perbandingan keputusan UPSR SK dengan SJKC selalunya mendapat liputan yang luas pihak akhbar. Senario ketidakpastian dan kepastian keputusan UPSR merentas kategori jenis sekolah rendah ini

menimbulkan minat awal pengkaji untuk menjalankan kajian perbandingan keputusan UPSR antara SK dengan SJKC.

Menyentuh tentang pencapaian akademik atau prestasi keputusan UPSR dalam konteks kajian ini, Rajah 1.1 di bawah merumuskan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi prestasi UPSR. Rajah tersebut merupakan hasil rangkuman bacaan mengenai faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada pencapaian akademik murid. Faktor-faktor yang dinyatakan ini mempunyai hubungan dengan teori pencapaian akademik yang dibuktikan secara spesifik dengan dapatan-dapatan kajian terdahulu dan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab 2.



Rajah 1.1 : Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi UPSR

Daripada ilustrasi yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di halaman sebelumnya, jelas menunjukkan bahawa faktor sikap memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi UPSR. Sikap murid, sikap ibu bapa, sikap guru dan sikap pihak pentadbir sekolah boleh mendatangkan kesan tersendiri dalam usaha untuk menghasilkan keputusan UPSR yang cemerlang. Gabung jalin kesemua faktor sikap yang dinyatakan secara sepadu tentunya mendatangkan kesan yang lebih besar ke atas pencapaian akademik murid. Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti faktor ibu bapa (*parental factors*) dan sekolah (*school factors*) juga turut menyumbang kepada kecemerlangan akademik murid (Magdol, 2005; Youdi, 1972).

Penulis-penulis buku tentang pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan sekolah seperti Hoy dan Miskel (2005), Lunenberg dan Ornstein (1996) dan Oliva (1993) banyak mengaitkan kecemerlangan akademik sesebuah sekolah dengan teori-teori kepimpinan. Ahli-ahli psikologi pula lebih cenderung untuk mengaitkan pencapaian akademik dengan faktor motivasi yang merupakan salah satu daripada unsur sikap (Kowalski & Westen, 2005; Morris & Maisto, 2002; Myers, 2005). Omardin Ashaari (2002) mengaitkan pencapaian akademik dengan kebolehan guru menguasai ilmu pedagogi. Abdullah Sani Yahya (2003), Cuttance (1979), Hallinger dan Heck (1997), Leithwood dan Jantzi (2006) dan Sammons (2006) banyak menyarankan program-program peningkatan akademik dan peningkatan keberkesanan sekolah (*school effectiveness*) untuk menjamin kelangsungan kecemerlangan akademik murid-murid. Sementara itu, dalam kalangan pakar motivasi tempatan seperti Fadilah Kamsah melalui ceramah-ceramah di kaca televisyen menekankan tentang sumbangan dan keunggulan ibu bapa dalam memandu kejayaan anak-anak di sekolah. Menjelang tahun 1980-an, ahli-ahli sosiologi banyak memperkatakan tentang 'Teori *Social Capital*' dalam mempengaruhi produk pendidikan (Coleman, 1988; Conrad, 2007; Dika, 2002; Paldam, 2000). Coleman (1998) amat sinonim dengan Teori *Social Capital* ini.

Untuk menganalisis semua faktor di atas dalam satu kajian adalah terlalu besar dan menjadikan kajian tidak operasional (*unresearchable*). Oleh yang demikian pengkaji hanya meninjau faktor sikap pengajaran guru dalam mata pelajaran UPSR dan hubungan serta pengaruhnya ke atas prestasi UPSR murid. Kajian ini memberikan tumpuan kepada sikap guru-guru UPSR yang mengajar di sekolah-sekolah rendah yang terdapat di daerah Tawau, Sabah. Pemilihan sikap guru sebagai faktor utama dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada hasrat murni KPM untuk melihat pembentukan sekolah rendah yang perkasa dalam Dasar Memperkasa Sekolah Kebangsaan (Jemaah Nazir Sekolah KPM, 2003). Dalam dasar tersebut, salah satu daripada empat manifestasi yang hendak dilihat tercapai oleh KPM ialah memperkasa pengajaran guru. Perkara ini hanya dapat direalisasikan sekiranya guru mempunyai sikap yang betul (Eggen & Kauchak, 2004). Sikap guru-guru UPSR yang dikaji dibandingkan mengikut jenis sekolah iaitu, antara SK dengan SJKC. Pengkaji juga meninjau faktor lazim yang berlaku di sekolah yang dijangka dapat mempengaruhi sikap guru. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebelum melakukan perbandingan untuk melihat keputusan UPSR di kedua-dua jenis sekolah yang kemudiannya dikorelasikan dengan sikap yang dikaji secara keseluruhan dan mengikut jenis sekolah.

Disebabkan sistem pendidikan rendah di negara ini menggunakan satu instrumen yang sama bagi menilai pencapaian akademik murid-murid sebelum memasuki pendidikan menengah maka perbandingan pencapaian bagi Sekolah-sekolah Kebangsaan dengan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina selalu dilakukan bagi menggambarkan prestasi akademik murid berdasarkan bangsa. Perbandingan prestasi murid mengikut kategori jenis sekolah selalu menjadi bahan rujukan dan mendapat liputan luas daripada pihak media. Laporan dan trend keputusan UPSR yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM juga memperlihatkan perbandingan pencapaian antara ketiga-tiga SK, SJKC dan SJKT.

Oleh itu kajian ini memberi tumpuan kepada perbandingan keputusan UPSR antara SK dengan SJKC di daerah Tawau, Sabah. Seterusnya kajian meninjau sikap pengajaran guru-guru UPSR bagi sekolah-sekolah yang terlibat mengikut mata pelajaran UPSR yang diajar.

Jadual 1.3 di halaman berikutnya menunjukkan prestasi UPSR tahun 2003 bagi sepuluh buah sekolah rendah harian biasa di daerah Tawau, Sabah. Membentuk jadual prestasi keputusan UPSR secara keseluruhan dan mengikut mata pelajaran merupakan usaha awal pengkaji pada tahun 2004 untuk mengenal pasti prestasi UPSR sekolah rendah di daerah Tawau. Lima buah SK dan lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dipilih secara rawak mengikut kategori jenis masing-masing. Daripada lima buah SJK yang dipilih terdapat tiga buah SJKC. Dua buah SJK yang lainnya merupakan sekolah rendah yang dahulunya sekolah rendah bantuan kerajaan (*missionary schools*) tetapi kini telah ditukarkan kepada sekolah rendah kerajaan yang membawa predikat SK. Walau bagaimanapun untuk tujuan pengkategorian kajian, SJK dikekalkan untuk dua buah sekolah berkenaan.

Kesemua sekolah dipilih secara rawak bagi mengelakkan kecenderungan (*bias*) memilih sekolah-sekolah tertentu sahaja semata-mata untuk mencari perbezaan bagi menyokong pernyataan masalah kajian. Pemilihan secara rawak dilakukan dengan merujuk kepada senarai sekolah rendah yang dikeluarkan melalui Pejabat Pelajaran Daerah Gabungan Tawau. Walau bagaimanapun pemilihan sekolah hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah rendah di kawasan bandar yang terletak dalam lingkungan 15 km radius daripada pusat bandar. Susunan sekolah yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 berikut adalah berdasarkan kepada peratus lulus UPSR setiap sekolah secara keseluruhan bermula daripada yang tertinggi menjurus kepada yang terendah. Ulasan mengenai dapatan diberikan dalam bentuk senarai supaya dapatan-dapatan berkenaan boleh dilihat dengan lebih jelas.

Jadual 1.3: Prestasi UPSR Tahun 2003 bagi Sepuluh Buah Sekolah Rendah di Kawasan Bandar Daerah Tawau, Sabah

Bil.	Sekolah	BMK	BMP	BI	Mat	Sc	%L
1.	SJK X01	97.3	96.8	82.4	94.7	95.7	80.2
2.	SJKC X02	98.2	94.5	100	98.2	94.5	80.0
3.	SJK X03	95.5	91.6	83.3	93.9	85.5	74.9
4.	SJKC X04	88.2	82.6	76.3	91.8	88.8	62.8
5.	SJKC X05	84.6	88.0	71.2	88.9	84.1	59.1
6.	SK X06	91.7	91.7	70.8	83.3	93.8	67.3
7.	SK X07	87.7	83.7	50.4	67.8	69.9	46.4
8.	SK X08	85.8	78.9	47.6	90.0	68.5	46.0
9.	SK X09	85.8	78.9	47.6	90.0	68.5	44.0
10.	SK X10	88.3	90.2	31.3	69.8	69.5	29.0

BMK: Bahasa Melayu Kefahaman; BMP: Bahasa Melayu Penulisan; BI: Bahasa Inggeris; Mat: Matematik; Sc: Sains; %L: Peratus Lulus Keseluruhan (*Nama sebenar sekolah tidak dinyatakan atas kehendak dan arahan KPM*)

Jadual 1.3 di atas menunjukkan:

- i. kesemua SJK mencatatkan peratus lulus di atas 50 peratus manakala hanya sebuah daripada lima buah SK yang mencatatkan peratus lulus di atas 50 peratus,
- ii. bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Kefahaman yang merupakan bahasa ibunda bagi sebilangan besar murid-murid SK, pencapaian SJK lebih menggalakkan jika dibandingkan dengan SK; terdapat dua buah SK yang mencatat keputusan hanya 85.8 peratus berbanding dengan sebuah SJKC yang mencatat 98.2 peratus,
- iii. begitu juga dengan mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan, terdapat dua buah SK yang mencatat peratus lulus di bawah 80 peratus sementara semua SJK mencatatkan keputusan melebihi paras 80 peratus dan salah sebuah daripada SJKC mencatatkan keputusan 94.5 peratus,
- iv. bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris terdapat tiga daripada lima buah SK yang mencatatkan keputusan di bawah 50 peratus sementara semua SJK melepasi 70 peratus,

- v. bagi mata pelajaran Matematik pula, terdapat dua buah SK yang hanya mencapai julat peratus lulus 60 peratus sementara semua SJK melebihi julat 85 peratus, dan
- vi. begitu juga dengan mata pelajaran Sains, terdapat empat daripada lima SK berkenaan yang hanya berada pada julat peratus lulus 60 peratus sementara semua SJK melepasi had 80 peratus.

Jadual 1.3 di halaman sebelumnya menunjukkan bahawa keputusan UPSR Sekolah-sekolah Kebangsaan yang dipilih secara rawak daripada senarai sekolah di daerah Tawau adalah rendah dari segi peratus lulus secara keseluruhan dan juga merentas setiap mata pelajaran berbanding dengan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan.

Jadual 1.4 berikut pula menunjukkan peratusan lulus UPSR untuk tempoh lima tahun (1999 – 2003) bagi semua sekolah rendah berkenaan.

Jadual 1.4: Peratusan Lulus UPSR (1999 – 2003) bagi Sepuluh Buah Sekolah Rendah di Kawasan Bandar Daerah Tawau, Sabah

Bil.	Sekolah Rendah	1999	2000	2001	2002	2003
1.	SJK X01	64.2	75.1	62.1	80.5	80.2
2.	SJKC X02	44.4	23.5	54.5	63.4	80.0
3.	SJK X03	48.7	62.5	57.1	67.2	74.9
4.	SJKC X04	56.7	45.3	59.8	67.8	62.8
5.	SJKC X05	36.8	47.6	47.1	62.1	59.1
6.	SK X06	37.9	50.0	75.0	60.4	67.3
7.	SK X07	24.6	25.1	27.6	39.5	46.4
8.	SK X08	46.8	34.5	33.3	28.4	46.0
9.	SK X09	19.4	18.5	23.3	37.9	44.0
10.	SK X10	23.9	15.6	22.8	33.8	29.0

Daripada Jadual 1.4 di atas, dapat diperhatikan perkara berikut:

- i. kesemua sekolah memperlihatkan trend naik turun dalam prestasi UPSR tetapi sepanjang lima tahun terakhir, terdapat empat daripada

lima buah SK yang dipilih secara rawak tidak pernah mencatat peratus kelulusan melebihi 50 peratus, dan

- ii. jika dirankingkan kesemua sekolah tersebut setiap tahun selama lima tahun, sekurang-kurangnya tiga tempat terbawah bagi setiap tahun diwakili oleh tiga buah SK.

Jadual 1.4 tersebut memberikan gambaran bahawa sebahagian besar SK yang dipilih tidak pernah mencatat keputusan lulus melebihi 50 peratus untuk tempoh lima tahun (1999 – 2003) peperiksaan UPSR. Keadaan ini cukup membimbangkan berbanding dengan prestasi SJKC yang memperoleh pencapaian sehingga 80 peratus lulus. Bertitik tolak daripada imbasan ringkas mengenai keputusan UPSR tahun 2003 inilah yang lebih mendorong pengkaji untuk mengkaji keputusan UPSR dalam keadaan sebenar yang melibatkan kesemua (tujuh buah) SJKC di daerah Tawau untuk dibandingkan dengan tujuh buah SK yang mencatatkan keputusan UPSR terbaik pada tahun sebelumnya yang dipilih daripada senarai semua SK yang terdapat di daerah Tawau.

Jadual 1.5 di bawah menyenaraikan anugerah-anugerah di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan yang pernah dimenangi oleh sekolah-sekolah berkenaan.

Jadual 1.5: Anugerah-anugerah Pendidikan yang Pernah dimenangi

Anugerah (D/N/K)	X01	X02	X03	X04	X05	X06	X07	X08	X09	X10
SHN	N	N	D	K						
3K	K	K		K						
PS										
AKMP										
SDT							N			
PKJR		D								
PKM										
Kantin										
Surau										

Petunjuk kepada Jadual 1.5:

X01: SJK X01	(D/N/K): Sama ada Daerah, Negeri atau Kebangsaan
X02: SJKC X02	SHN: Sekolah Harapan Negara
X03: SJK X03	3K: Anugerah Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan
X04: SJKC X04	Alam Sekitar
X05: SJKC X05	PS: Pusat Sumber
X06: SK X06	AKMP: Anugerah Kualiti YB Menteri Pelajaran Malaysia
X07: SK X07	SDT: Sekolah Dalam Taman
X08: SK X08	PKJR: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
X09: SK X09	PKM: Peningkatan Kesihatan Mulut
X10: SK X10	

Dari segi pencapaian anugerah pula, Jadual 1.5 di halaman sebelumnya menunjukkan bahawa:

- i. belum terdapat SK yang meraih anugerah pendidikan yang berprestij seperti Anugerah Kualiti YB Menteri Pelajaran (AKMP) atau Anugerah Keselamatan, Kebersihan & Keindahan Alam Sekitar (3K), dan
- ii. belum terdapat SK yang meraih apa-apa anugerah pendidikan di peringkat kebangsaan walaupun terdapat sebuah SK yang pernah memenangi anugerah di peringkat negeri.

Hasil analisis ringkas yang diperoleh menerusi Jadual 1.3, 1.4 dan 1.5 tersebut menunjukkan bahawa prestasi SJKC bagi daerah Tawau adalah lebih baik daripada SK. Kecemerlangan prestasi yang ditunjukkan bukan sahaja dari segi keputusan UPSR tetapi juga dari segi pencapaian anugerah-anugerah pengiktirafan sekolah.

Kajian untuk melihat perbezaan prestasi UPSR antara SK dengan SJKC telah diusahakan oleh Aminah Ayob dengan tajuk 'Pendidikan: Masalah Pelajar Melayu Pulau Pinang' (Utusan Malaysia, 2004a). Kajian tersebut seperti yang dilaporkan melalui akhbar Utusan Malaysia (2004a) menyatakan bahawa pencapaian murid-murid Melayu di Pulau Pinang masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain.

Keputusan UPSR tahun 2002 mencatatkan hanya 57 peratus murid Melayu daripada SK lulus semua mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya gred C berbanding 63 peratus bagi SJKC (Utusan Malaysia, 2004a). Keputusan UPSR di Pulau Pinang pada tahun 2001 menunjukkan 6.5 peratus pelajar SK yang gagal semua mata pelajaran berbanding dengan 2.0 peratus bagi SJKC dan 4.1 peratus bagi SJKT. Kajian yang juga dilakukan oleh pihak Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri mendapati kelemahan ketara murid Melayu di SK adalah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik (Utusan Malaysia, 2004b; Aminah Ayob, Hazri Jamil, Halim Ahmad, Maznah Ali, & Ahmad Farouk Abd. Majid, 2004).

Dari segi kualiti pula, didapati keputusan UPSR tahun 2003 bagi peringkat kebangsaan menunjukkan hanya 6.8 peratus murid SK yang memperoleh semua A iaitu, 5A berbanding 7.2 peratus bagi murid SJKC yang mendapat semua A iaitu, 7A (Utusan Malaysia, 2003). Analisis keputusan UPSR 2004 oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang pula mendapati kualiti pencapaian SJKC lebih menonjol berbanding dengan SK. Jadual 1.6 di bawah menunjukkan perbezaan kualiti yang dimaksudkan (Utusan Malaysia, 2005).

Jadual 1.6: Peratusan Murid Gred A UPSR Tahun 2004 bagi Negeri Pulau Pinang

Peratus Murid yang Mendapat Gred A UPSR Tahun 2004 Pulau Pinang		
Mata Pelajaran	SK	SJKC
Bahasa Inggeris	17.6	32.0
Matematik	29.1	62.3
Sains	21.3	38.1

Jadual 1.7 di bawah pula meringkaskan laporan KPM mengenai prestasi UPSR kebangsaan pada tahun 1990 dan 2000 bagi tiga mata pelajaran yang selalu membezakan keputusan UPSR SJKC dengan SK.

Jadual 1.7: Prestasi UPSR Kebangsaan SK dan SJKC bagi Tahun 1990 dan 2000

Tahun Sekolah Pencapaian	1990				2000			
	SK/SRK		SRJKC		SK		SJKC	
	ABC /%	DE /%	ABC /%	DE /%	ABC /%	DE /%	ABC /%	DE /%
Bahasa Ing.	53.2	46.8	72.7	27.3	56.7	43.4	63.2	36.8
Matematik	57.3	42.7	85.1	8.8	75.2	24.8	91.2	8.8
Sains*					77.5	22.5	83.8	16.2

* Sains dalam UPSR hanya dimulakan pada tahun 1995.

(Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 & Laporan Tahunan 1990 Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia)

Daripada Jadual 1.7 di atas, dapat disimpulkan dua perkara berikut:

- i. bagi prestasi UPSR mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik, SJKC sentiasa lebih baik daripada SK, dan
- ii. bagi prestasi UPSR mata pelajaran Sains pada tahun 2000, SJKC lebih baik daripada SK. Begitu juga bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik pada tahun tersebut.

Walau bagaimanapun kajian dalam bentuk analisis keputusan UPSR murid-murid ini hanya memberi tumpuan kepada SK dan SJKC di daerah Tawau, Sabah. Kenyataan bahawa prestasi UPSR SJKC lebih baik daripada SK di daerah Tawau telah dibuktikan melalui analisis keputusan UPSR sepuluh buah sekolah yang dipilih secara rawak. Pemilihan rawak selalunya menunjukkan secara signifikan sifat sebenar populasi yang diwakili oleh sampel (McMillan & Schumacher, 1993). Persoalannya ialah tidakkah terdapat SK di daerah Tawau yang mampu menyaingi prestasi UPSR SJKC? Daripada persoalan ini maka pengkaji memilih tujuh buah SK yang mencatatkan keputusan UPSR terbaik pada tahun sebelumnya untuk

dibandingkan dengan kesemua (tujuh buah) SJKC di daerah Tawau. Sekiranya daripada hasil analisis keputusan UPSR dalam kajian menunjukkan tidak terdapat SK yang mampu menyaingi prestasi UPSR SJKC maka dapatlah disimpulkan bahawa bukan hanya keputusan UPSR SJKC lebih baik daripada SK tetapi tidak terdapat satupun SK yang mampu menyaingi mana-mana SJKC di daerah Tawau.

Daripada pemerhatian ke atas sepuluh buah sekolah rendah yang telah dibincangkan, hipotesis awal kajian boleh dinyatakan sebagai; keputusan UPSR SJKC di daerah Tawau adalah lebih baik daripada SK. Selain membandingkan tujuh buah SK yang mencatat keputusan UPSR terbaik dalam tahun sebelumnya dengan kesemua (tujuh) SJKC di daerah Tawau, pengkaji juga melibatkan sekolah rendah yang lainnya termasuk sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun pemilihan sekolah-sekolah rendah (yang lain) tersebut hanya terhad untuk meninjau sikap pengajaran guru dalam mata pelajaran UPSR di sekolah masing-masing.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi keputusan UPSR murid sesebuah sekolah. Faktor-faktor ini merangkumi persekitaran rumah (*home background*), sekolah (*school background*) dan perbezaan kepintaran individu (*individual differences*) (Eggen & Kauchak, 2004; Magdol, 2005; Woolfolk, 2005; Youdi, 1972). Perkara ini telah disentuh pada bahagian sebelumnya dalam bab ini dan diperincikan lagi dalam 'Teori Pencapaian Akademik' dalam Bab 2. Walau bagaimanapun seperti yang dinyatakan sejak awal lagi, pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada hubungan dan pengaruh faktor sikap pengajaran guru-guru UPSR di sekolah-sekolah yang dikaji dengan pencapaian akademik (UPSR) murid-murid.

Murid-murid yang menduduki UPSR merupakan faktor berubah yang meninggalkan sekolah rendah untuk memasuki sekolah menengah sedangkan